

15/06/2003

Pertahan maruah, biar putih tulang jangan putih mata

Belajar dari sejarah, (bangsa yang tidak mengenang budi pemimpinnya tidak berbudi!)

Dr Mahathir membuat kesimpulan, dalam fahaman saya, bahawa pengajaran sejarah tidak banyak dihayati oleh bangsanya - apabila dia berkata...

that

the only lesson history has taught the Malays, is that they have not yet learned much from history. Madah seorang pujangga Barat, sejarah adalah satu pendidikan filosofi melalui teladan! Maka belajarlh daripada sejarah

untuk elak kesilapan kini dan masa depan.

Semasa saya di sekolah lagi, sejarah adalah antara empat mata pelajaran

yang saya dianggap lebih dari sederhana - Bahasa Inggeris, Kesusasteraan dan Ilmu Alam. Sampai kini saya amat meminati sejarah, biografi dan memoir. Saya sedang menunggu dengan penuh antisipasi penerbitan memoir Dr

Mahathir yang dikatanya sedang ditulisnya.

Penulisan memoir adalah satu industri mewah di Amerika Syarikat dan Eropah. Memoir Hillary Clinton "Living History" amat laris dan

pembayaran

pendahuluan saja lebih RM100 juta. Penulis novel amat laku lagi ialah pengarang buku Harry Potter, JK Rowling, dia telah membuat catatan rekod apabila satu bukunya terakhir dicetak sejumlah 13 juta naskhah kulit

tebal

(hard cover)! pada print pertama.

Buku akademik saya "Dasar Luar Tengku Abdul Rahman 1957-1970" habis terjual (lebih kurang 2,500 naskhah) dan saya untung RM2,000. Mengikut Penerbitan Berita, itu agak luar biasa kerana ia bukanlah buku teks.

Kalau

buku teks, lebih laris kerana murid terpaksa beli. Saya terus menulis bukan kerana wang tetapi sebagai hobi dan satu catatan sejarah. Tunggu - sebelum akhir tahun ini atau awal 2004, empat buah buku saya akan diterbitkan. Bulan depan saya tandatangani kontrak dengan penerbitan tertentu.

Dr Mahathir telah menggesa kita agar selalu mengingati pemimpin-pemimpin

kita terdahulu yang meletak asas kukuh bagi kemerdekaan, keamanan dan kemakmuran yang dinikmati. Perdana Menteri juga menggalak seramai orang yang ada cerita menarik yang hendak dikisahkan menulis memoir masing-masing. Sejarah banyak hilang atau hanya tinggal legenda (tanpa ada dokumentasi dan kesahihan) saja kerana tidak ramai yang membuat catatan atau merakamkan oral history (sejarah lisan).

Saya merayu semua peringkat insan Melayu dalam semua bidang hatta tidak

ada bidang pun tetapi ada kisah terkecuali dan menarik untuk dibaca agar segera ambil pena, kertas dan tulis, tulis terus menulis. Baca dan terus membaca, belajar dan terus menimba ilmu hingga nyawa berpisah dengan

